Mesej Dua Belas

Pengantin Lelaki, Kematangan Pengantin Perempuan, dan Menjadi Pejuang yang Mengalahkan Musuh Tuhan

Bacaan Bible: Yoh. 3:29a; Mat. 9:15; Ibr. 6:1; Wahi 19:7

I. Kristus ialah Pengantin Lelaki—Mat. 9:14-15; 22:2-3; 25:1, 5-6, 10:

A. Dalam seluruh alam semesta, persona yang paling menyenangkan ialah Yesus yang merupakan Pengantin Lelaki.

B. Yohanes Pembaptis berkata, "Dia yang ada pengantin perempuan ialah pengantin lelaki"—Yoh. 3:29a.

C. Yesus mempersembahkan diri-Nya sebagai Pengantin Lelaki—Mat. 9:14-15; Mrk. 2:19:

1. Di penghujung Bible terdapat istilah *isteri Anak Domba*—Wahi 21:9.
2. Anak Domba Tuhan (Yoh. 1:29) ialah Penebus, tetapi Anak Domba yang menghapuskan dosa-dosa kita di atas salib juga ialah Pengantin Lelaki kita untuk perkahwinan (Wahi 19:7).

D. Dalam hadirat Pengantin Lelaki, ketakutan tidak wujud; apabila kita menyentuh hadirat Tuan, menyentuh Dia sebagai Pengantin Lelaki, kita menyentuh keindahan, kemanisan, dan kesegaran-Nya; Dia begitu indah menawan!

E. Rangkap pertama *Kidung,* #140 berbunyi, "Tuan, Kau Pengantin tersayang,/Tuhan lantik, ku cinta;/Diri-Mu sungguh menawan,/Bagi ku nan mestika!"

F. Terdapat empat cara (atau aspek) untuk kita menikmati Kristus sebagai Pengantin Lelaki kita:

1. Pertama, kita ialah pengiring pengantin lelaki yang menikmati Pengantin Lelaki—Mat. 9:15.
2. Kedua, kita ialah tetamu yang menikmati Dia sebagai jamuan kita—Luk. 14:15-17; Wahi 3:20; 19:9.
3. Ketiga, kita ialah perawan yang menikmati kedatangan Pengantin Lelaki—Mat. 25:1-13.
4. Keempat, kita akan menjadi pengantin perempuan yang menikmati Pengantin Lelaki ke tahap tertinggi—Wahi 19:7.

G. Hala tuju pergerakan Tuan hari ini adalah untuk mempersiapkan pengantin perempuan sebagai pasangan Pengantin Lelaki demi perkahwinan abadi Tuhan yang menebus dengan umat yang ditebus-Nya—ay. 7-8; 21:1-2, 9-10.

H. Kita perlu menyedari bahawa sebagai Pengantin Lelaki, Tuan Yesus ialah Dia yang akan datang:

1. Dia datang untuk bertemu dengan kita sebagai pengantin perempuan-Nya.
2. Wahi tentang kedatangan Tuan terangkum dalam Dia menjadi Pengantin Lelaki.

II. Kita perlu melihat dan memahami kematangan pengantin perempuan—2 Kor. 3:18; Roma 8:29; Ef. 4:13, 15; Ibr. 6:1; Wahi 19:7b; 21:2, 9:

A. Wahi 19:7b berkata, "Isteri-Nya telah mempersiapkan diri."

B. Dalam kematangan hayat divin, pencinta Kristus menjadi Sulamit (bentuk feminin bagi *Salomo*), menunjukkan bahawa dia telah menjadi reproduksi dan duplikasi Kristus untuk berpadanan dengan-Nya demi perkahwinan mereka—Kid. 6:13; Wahi 21:2, 9-10.

C. Makna perkataan *matang* dalam bahasa Yunani ialah "pada titik penghujung":

1. Ditransform bererti diubah secara metabolik dalam hayat alamiah kita; menjadi matang bererti dipenuhi hayat divin yang mengubah kita—Ibr. 6:1; Kol. 4:12; Roma 12:2; 2 Ptr. 1:3.
2. Peringkat terakhir transformasi ialah kematangan, kepenuhan hayat—ay. 4-8.
3. Percayawan yang matang mengenali serta menjaga Tubuh Kristus, mempunyai perasaan terhadap Tubuh, dan berpusatkan Tubuh—1 Kor. 12:16, 18-19, 21, 24.

D. Seperti yang digunakan dalam Wasiat Baru, perkataan *matang* merujuk kepada percayawan menjadi penuh dewasa dan disempurnakan dalam hayat Kristus yang diterima mereka pada masa kelahiruan—Tit. 3:5; 1 Ptr. 1:3, 23; Mat. 5:48:
   1. Kita sama sekali tidak harus berpuas hati dengan diri kita, tetapi harus mengejar pertumbuhan dan kematangan dalam hayat Kristus—Flp. 3:12, 14.
   2. Kita perlu terus ke depan, dibawa maju kepada kematangan dengan melupakan hal-hal yang ada di belakang dan merentangkan diri ke hadapan ke arah hal-hal yang ada di hadapan, mengejar ke arah kenikmatan dan perolehan Kristus yang sepenuhnya supaya kita dapat menikmati Kristus ke tahap tertinggi dalam kingdom milenium—ay. 12-15.
   3. Prasyarat untuk menjadi matang dalam hayat rohani ialah bertumbuh secara berterusan dalam hayat divin—Ef. 4:15.
   4. Hasil muktamad bagi pertumbuhan dan kematangan percayawan dalam hayat Kristus ialah manusia penuh dewasa—gereja yang merupakan Tubuh Kristus bertumbuh sehingga menjadi manusia yang matang—ay. 13.

E. Dalam Surat Yakobus, dia menggunakan gambaran seorang petani menantinantikan buah yang berharga dari bumi dengan sabar-derita—5:7:
   1. Tuan Yesus sebenarnya ialah Petani yang sejati, iaitu Petani yang unik—Mat. 13:3.
   2. Sementara kita menantikan kedatangan Tuan dengan sabar-derita, Dia, sebagai Petani yang sejati, sedang menantikan kematangan kita dalam hayat dengan sabar, supaya kita menjadi buah sulung dan tuaian di ladang-Nya—Wahi 14:4, 14-15.
   3. Jika kita berdoa, "Tuan, kembalilah segera," Tuan mungkin berkata, "Ketika kamu menantikan perkembalian-Ku, Aku sedang menantikan kematangan kamu; hanya kematangan kamu yang dapat mempercepat perkembalian-Ku."
   4. Memang amat membantu sekiranya kita menyedari hal ini: Jika kita bersikap serius menantikan perkembalian Tuan, kita perlu bertumbuh dalam hayat sehingga matang.

F. Menjadi matang bererti mempunyai Kristus terbentuk sepenuhnya dalam kita; menjadi matang juga bererti kita telah ditransform sepenuhnya menjadi imej-Nya—Gal. 4:19; 2 Kor. 3:18:
   1. Sejak masa kita dilahirukan, Tuan telah bekerja dalam kita supaya kita mempunyai imej-Nya—ay. 18; Roma 8:29.
   2. Apabila Tuan menggarapkan imej-Nya sepenuhnya ke dalam kita dan Dia juga diekspresikan sepenuhnya menerusi kita, kita akan menjadi matang dalam hayat—Ef. 3:16-17.

III. Gereja sebagai pengantin Kristus harus menjadi pejuang untuk menewaskan musuh Tuhan—5:25-27; 6:10-18; Wahi 19:7-9, 11-16:

A. Kolose 2:15 menggambarkan peperangan yang berlaku ketika Kristus disalibkan; pada masa itu, salib Kristus ialah pusat alam semesta.

Mesej Dua Belas (sambungan)

B. Tujuan peperangan rohani adalah untuk membawa masuk kingdom Tuhan—Wahi 12:10.

C. Peperangan rohani ialah perkara Tubuh; kita ialah angkatan tentera korporat yang berperang demi kepentingan Tuhan di bumi—17:14; 19:14; bd. 2 Tim. 2:4.

D. Kristus akan datang sebagai Jeneral yang berperang bersama dengan pengantin-Nya yang merupakan angkatan tentera-Nya untuk berperang menentang Antikristus di Harmagedon—Wahi 19:11-21:

1. Apabila Kristus datang bersama dengan angkatan tentera-Nya, Dia akan datang sebagai Anak Manusia—Mat. 26:64; Wahi 14:14.
2. Sebagai Anak Manusia, Dia memerlukan seorang pasangan yang sepadan untuk melengkapkan-Nya; pasangan ini ialah pengantin-Nya—21:2, 9.
3. Kristus akan berkahwin dengan pejayeng yang telah jayeng atas yang jahat itu.
4. Pakaian jamuan perkahwinan—Kristus dihidup keluar daripada kita sebagai keadilbenaran harian kita—bukan sahaja melayakkan kita menghadiri jamuan perkahwinan, malah melayakkan kita menyertai angkatan tentera untuk berjuang bersama dengan Kristus menentang Antikristus dalam peperangan di Harmagedon—Mat. 22:11-12; Wahi 19:7-8, 14.

E. Dalam Kidung Agung, kita melihat bahawa pencinta Kristus yang jayeng menjadi cantik bagaikan Tirza dan indah bagaikan Yerusalem; namun bagi musuh, dia dahsyat bagaikan angkatan tentera yang membawa panji-panji—6:4, 10:

1. Pencinta Kristus haruslah indah menawan dan dahsyat pada masa yang sama; namun banyak percayawan telah kehilangan keindahan mereka di hadapan Tuan dan kedahsyatan mereka di hadapan musuh—ay. 4, 10:
   a. Pencinta Kristus adalah cantik dan menawan di hadapan Tuan, teguh seperti kota syurgawi dan tenang seperti rumah kudus; pada masa yang sama, dia memaparkan kemuliaan kemenangannya di hadapan musuh dan dunia—ay. 4, 10.
   b. Pencinta Kristus yang jayeng itu bukan sahaja mempunyai masa depan yang penuh harapan dan kehidupan yang sama sekali syurgawi, malah dia juga seorang pemenang yang sentiasa berjaya dengan gemilang dalam kemenangannya—3:7-8.
2. Angkatan tentera yang dahsyat menandakan bahawa para pejayeng Tuan menakutkan musuh Tuhan, Syaitan—6:4, 10:
   a. Musuh takut akan gereja yang dibina menjadi kota Tuhan—Neh. 6:15-16; Mzm. 102:12-16.
   b. Syaitan tidak takut kepada orang Kristian yang bersifat individualistik, sekalipun jumlah mereka ribuan, tetapi dia sangat gentar terhadap gereja yang merupakan Tubuh Kristus, pejuang korporat yang berperang menentangnya dan kingdomnya—Ef. 6:10-20.

F. Daud mentamsilkan Kristus yang berperang di tengah-tengah penderitaan (1 Sam. 25:28), Abigail pula mentamsilkan gereja yang berperang, yang berjuang demi kingdom Tuhan di tengah-tengah penderitaan (ay. 2-42):

1. Bermula dari 1 Samuel 25, Abigail sentiasa berada di sisi Daud pejuang itu dan mengikut Daud dalam peperangannya—ay. 40-42.
2. Abigail berkahwin dengan Daud mentamsilkan gereja diambil masuk sebagai angkatan tentera untuk peperangan—Ef. 6:10-20.

Mesej Dua Belas (sambungan)

3. Tamsil tentang Abigail menggambarkan penyertaan gereja bersama dengan Tuan Yesus dalam peperangan rohani:
   a. Bukan sahaja tujuan abadi Tuhan harus digenapi dan hasrat hati-Nya harus dipuaskan, malah musuh Tuhan juga harus ditewaskan; untuk itu, gereja harus menjadi pejuang.
   b. Peperangan rohani adalah perlu kerana tekad Syaitan bertentangan dengan tekad Tuhan—Mat. 6:10; 7:21; Yes. 14:12-14:
      1) Peperangan rohani berpunca daripada konflik antara tekad Tuhan dengan tekad Syaitan.
      2) Sebagai gereja, kita berperang untuk menundukkan tekad Syaitan dan menewaskan musuh Tuhan—Wahi 12:11.
      3) Gerak-hidup rohani kita adalah untuk menggenapi tujuan Tuhan, kehidupan kita adalah untuk memuaskan Kristus, dan peperangan kita adalah untuk menewaskan musuh Tuhan dan mengekalkan kemenangan-Nya.

G. Menerusi peperangan rohani, tujuan abadi Tuhan disempurnakan sepenuhnya; "kingdom dunia telah menjadi kingdom Tuan kita dan Kristus-Nya, dan Dia akan meraja buat selama-lamanya"—11:15b.

© 2026 Living Stream Ministry